

26 JAN 1999

Rafidah-Cukai Keluar

CUKAI KELUAR BERTUJUAN STABILKAN PASARAN SAHAM

KOTA KINABALU, 26 Jan (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini berkata hasrat Malaysia untuk mengkaji kemungkinan memperkenalkan "cukai keluar" bertujuan untuk mewujudkan kestabilan dalam pasaran saham.

"Kita sedia maklum beberapa desakan dibuat oleh mereka yang melabur dalam pasaran saham, supaya kerajaan menimbang semula keanjalan, yang membolehkan pelabur asing membawa keluar modal lebih awal.

"Saya yakin apa juga keanjalan yang kita tawarkan pasti akan mencerminkan hasrat kita untuk mewujudkan kestabilan dalam pasaran saham, di samping mengambil kira kepentingan pelabur, khususnya pelabur asing," kata beliau.

Rafidah berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan kilang Concept Marketing di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) di Teluk Sepanggar dekat sini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membayangkan kemungkinan memperkenalkan cukai keluar, yang akan membolehkan pelabur asing membawa keluar modal lebih awal daripada tempoh satu tahun yang dibenarkan sekarang.

Sementara itu, Rafidah yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno, pada perjumpaan dengan Exco Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN) Sabah, meminta pemimpin politik wanita di negeri ini agar terus berusaha bagi membantu kemenangan BN pada pilihan raya negeri Sabah yang akan diadakan pada bila-bila masa saja.

Rafidah berkata peranan wanita adalah penting dan terbukti banyak membantu dalam memastikan kemenangan dalam pilihan raya.

Jentera pilihan raya yang sudah digerakkan perlu digiatkan, dan rakyat harus didekati bagi membolehkan mereka memahami perjuangan BN, katanya.

"BN tidak aktif hanya pada waktu pilihan raya sahaja, tetapi sepanjang masa dan bekerja bagi membawa pembangunan kepada rakyat. Oleh kerana itu, rakyat perlu menilai BN dari segi prestasinya dan bukan hanya pada ketika tempoh kempen pilihan raya berlangsung," katanya.

-- BERNAMA

JS RI